

24 MAR 2002

Ketari-Muhyiddin

MUHYIDDIN INGATKAN JANGAN TERPENGARUH ISU SEKOLAH CINA

MUAR, 24 Mac (Bernama) -- Pengundi-pengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari, Pahang diingatkan supaya tidak terpengaruh dengan hasutan kumpulan pelampau Cina yang mendakwa kerajaan hendak menghapuskan sekolah jenis kebangsaan Cina di negara ini.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kumpulan pelampau pasti akan mengambil kesempatan untuk menyokong calon DAP pada pilihan raya kecil itu dengan menggunakan isu berkenaan bagi mendapatkan sokongan pengundi Cina.

Katanya DAP, yang ketandusan isu, akan mengeksploitasikan isu-isu seperti SRJK (C) Damansara bagi menguatkan dakwaan kononnya kerajaan berhasrat menghapuskan sekolah Cina di negara ini.

"Pengisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga sudah pasti akan digunakan bagi menakut-nakutkan pengundi Cina.

"Kerajaan sudah berkali-kali menjelaskan bahawa ia tidak pernah berhasrat untuk menutup sekolah Cina malah undang-undang pun ada menyebut bahawa Menteri Pendidikan tidak berkuasa menutup sekolah ini," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri perasmian persidangan perwakilan Umno Bahagian Pagoh oleh naib presiden parti Tan Sri Muhammad Muhammad Taib di Kompleks Sukan Pagoh di sini.

Muhyiddin, yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata masyarakat Tionghua di Ketari seharusnya menerima kenyataan kerajaan mengenai kedudukan sekolah-sekolah Cina di negara ini.

Menurutnya pemimpin-pemimpin Gerakan dan MCA akan membuat penjelasan mengenai perkara itu sebagai tindak balas jika DAP menggunakan isu untuk meraih undi.

Beliau juga meminta pengundi Melayu memberi sokongan kepada calon BN, Yum Ah Ha, dari Gerakan bagi memastikannya memenangi kerusi DUN itu.

Yum akan ditentang calon DAP, Choong Siew Onn pada pilihan raya kecil itu 31 Mac ini. Kerusi DUN ketari kosong berikutan kematian wakil rakyatnya Datuk Loke Koon Kam pada 3 Mac lepas.

Sementara itu, Muhammad berkata pemimpin PAS sengaja mengeluarkan kenyataan yang bukan-bukan untuk mengelak perhatian anggota partinya terhadap masalah sebenar di dalam parti itu.

"Kita nampak pemimpin-pemimpin PAS macam `super aktif'...banyak bercakap, barangkali kerana mereka ada masalah dalaman," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan itu.

Menurutnya PAS bahagian Rantau Panjang, Kelantan kini bergolak apabila berlaku pergeseran politik di peringkat pimpinan bahagian itu.

"Sebab itu, untuk mengalihkan perhatian umum, pemimpin PAS kini banyak bercakap tentang perkara-perkara lain," katanya.

-- BERNAMA

SO NAK